

BAB 3

SEKOLAH CINA DI MALAYSIA

3.1 Pendahuluan

Sebelum membuat tinjauan tentang sekolah-sekolah Cina di Malaysia, perlu ditinjau sedikit latar belakang kemasukan orang Cina ke Tanah Melayu. Orang Cina mula datang ke Tanah Melayu dalam komuniti yang besar semasa pemerintahan British. Dasar British yang menggalakkan kemasukan orang Cina itu mempunyai kepentingan dari segi ekonomi. Kemasukan orang Cina berkait rapat dengan kekayaan Tanah Melayu dengan hasil galian, iaitu bijih timah. British telah menggalakkan orang Cina datang dan melakukan kerja-kerja perlombongan bijih timah di sini.

Kemasukan beramai-ramai orang Cina ke Tanah Melayu telah menimbulkan keperluan pendidikan bagi anak-anak kaum tersebut. Inilah puncanya yang menyebabkan kelahiran sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu, perkembangannya, sehingga terbentuknya sekolah-sekolah Cina Persendirian.

3.2 Kelahiran Sekolah-sekolah Cina di Malaysia

Sebelum ini telah pun dihuraikan kemasukan orang-orang Cina ke negeri-negeri Selat dan juga negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.

Kehadiran mereka pada mulanya berpunca daripada kemakmuran Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Di ketiga-tiga buah negeri yang dinamakan Negeri-negeri Selat itulah orang-orang Cina mengambil peluang untuk mencari penghidupan baharu yang lebih mewah

Setelah itu bermulalah penghijrahan beramai-ramai orang-orang Cina ke negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, terutama Johor, untuk membuat penempatan baharu dengan membuka ladang lada hitam dan gambir. Di Pulau Pinang pula mereka mengusahakan tanaman tebu dan padi.

Jadual 3.1: Penduduk Tanah Melayu pada Tahun 1957

Negeri	Kaum				Jumlah
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	
Johor	444, 907	392, 425	71, 002	19, 231	937, 565
Kedah	475, 747	143, 833	66, 986	15, 077	70, 643
Kelantan	463, 292	28, 816	5, 642	7, 835	505, 585
Melaka	743, 252	120, 690	23, 248	4, 056	291, 246
Negeri Sembilan	151, 426	129, 911	54, 428	8, 566	364, 331
Pahang	179, 113	108, 140	21, 832	3, 864	312, 949
Pulau Pinang	165, 081	327, 289	69, 031	10, 733	572, 132
Perak	484, 878	539, 368	178, 480	18, 664	1, 221, 390
Perlis	71, 268	15, 763	1, 547	2, 288	90, 866
Selangor	291, 393	488, 634	201, 047	31, 817	1, 012, 891
Terengganu	256, 349	18, 069	2, 742	1, 005	278, 165
Jumlah	3, 726, 706	2, 332, 936	695, 985	123, 136	6, 278, 763

(Sumber: Ratnam, K.J., 1969: 4)

Kemasukan orang-orang Cina dan India ke Tanah Melayu merupakan asas kepada pembentukan masyarakat majmuk di Tanah Melayu. Setiap kaum

mengamalkan cara hidup dan pegangan agama yang berbeza di antara satu dengan yang lain.

Tiap-tiap kaum menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa pengantar yang terdiri daripada bahasa ibunda masing-masing. Dengan itu, wujudlah sekolah Melayu yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu, sekolah Cina yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Cina, dan sekolah Tamil yang menggunakan bahasa Tamil. Di samping itu, pihak penjajah telah menubuhkan sekolah Inggeris yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

3.3 Sekolah-sekolah Cina Moden di Malaysia

Dr. Sun Yat Sen yang mengetuai Parti Revolusi di Negeri Cina telah melawat Negeri-negeri Selat dalam tahun 1900. (Chelliah, 1948: 24) Beliau telah ditahan dan dihantar pulang ke Cina. Walau bagaimanapun beliau berkunjung beberapa kali lagi antara tahun 1906 hingga 1911. Kehadiran beliau dengan fahaman reformasi dan revolusi secara langsung telah mempengaruhi seluruh kawasan Nanyang (Laut Selatan). Bahang pengaruhnya turut dirasakan di sekolah-sekolah Cina di Malaysia (Malaya pada waktu itu).

Berikutan dengan itu, dalam tahun 1904, sebuah sekolah Cina menurut rupa bentuk dan gaya moden buat pertama kali dibina di Singapura. Menurut Chelliah (1948: 25), Cheng Soo Leong, murid tua ‘Raffles Institution’ telah

membangunkan sekolah tersebut dan telah menamakannya Sekolah Cina Yiu Sin. Mata pelajaran dikendalikan dalam bahasa Cina dan juga bahasa Inggeris.

Wong Yok Nyen (1981: 160) telah menulis bahawa dalam tahun yang sama, Chang Pai-Si (Penolong Penasihat Ching Di Pulau Pinang) telah membangunkan Sekolah Confucius Chung Hwa di Pulau Pinang. Dalam tahun 1906 pula, turut dibangunkan ialah Sekolah Confucius di Kuala Lumpur, Sekolah Yuk Choy di Ipoh, dan Sekolah Keluarga Khoo di Pulau Pinang. (Wong Yok Nyen, 1981: 160)

Dalam tahun 1908, sekolah perempuan Cina yang pertama telah didirikan di Kuala Lumpur dan dinamakan Kuen Cheng. Pada tahun yang sama, penggiat-penggiat politik dari Negeri Cina telah menubuhkan Sekolah Chung Hwa di Pulau Pinang semata-mata untuk mendidik para pekerja yang buta huruf di sana. Dalam tahun 1911 pula, seorang ahli perdagangan berketurunan Teochew telah membangunkan Sekolah Perempuan Cina di Singapura.

Di sekolah-sekolah Cina moden ini, selain pelajaran Klasik Tradisional, telah diajarkan juga kurikulum yang meliputi sejarah, geografi, etika, sains, bahasa, kira-kira, lukisan, nyanyian dan senaman.

Perkembangan sekolah-sekolah Cina yang selanjutnya telah didorong oleh Pergerakan 4 Mei tahun 1919 di Negeri Cina. Revolusi yang berkenaan telah mengilhamkan penggantian bahasa persuratan *Wen Yan* kepada bahasa

kebangsaan umum *Bai Hua*. Berikutnya itu, buku-buku teks baharu telah dikeluarkan selari dengan hasrat penyatuan seluruh Negeri China. Selain itu, apabila pemerintahan Mancu berakhir dan digantikan dengan sebuah Republik Cina, fahaman politik yang baharu ini turut diterapkan ke dalam pendidikan di sekolah-sekolah Cina di Malaya. (Kua Kia Soong, 1990: 24-25)

Fahaman baharu ini ditanam ke dalam jiwa guru-guru, jawatankuasa-jawatankuasa sekolah serta murid-murid. Mereka menolak sebarang hubungan dan ikatan dengan pemerintahan Mancu, dan di samping itu mereka telah melancarkan kutipan derma untuk membantu Parti Revolusi yang kemudiannya digelar *Kuomintang* atau Parti Kebangsaan. Orang-orang Cina pada waktu itu menghalakan kesetiaan kepada negara asal mereka dan mengikuti segala perkara yang berlaku di negeri China dengan begitu minat dan rapat sekali. Contohnya, apabila Persidangan Keamanan Versailles dalam tahun 1919 memutuskan untuk menyerahkan segala konsesi Jerman di Shantung kepada Jepun, orang-orang Cina di Malaya turut melancarkan pemulauan terhadap barang-barang Jepun. Contoh yang lain pula, orang-orang Cina telah memulaukan perayaan *Keamanan* oleh pihak British. Menurut Lee Ting Hui (1957: 52), bermula daripada pemulauan inilah pihak pemerintahan penjajah British mengubah sikap terhadap pendidikan Cina di Malaya.

3.4 Terbentuknya Sekolah-sekolah Cina Persendirian

Dalam bulan Jun 1948, Malaya telah mengisytiharkan keadaan darurat di dalam negara. Joginder Singh Jersey (1965: 306) mengatakan bahawa keadaan huru-hara ini ialah, "akibat daripada percubaan oleh Parti Komunis Malaya untuk menggulingkan Kerajaan melalui keganasan dan perjuangan bersenjata. Matlamat akhirnya adalah untuk merampas kuasa dan menubuhkan sebuah negara komunis di Malaya".

Pada Zaman Darurat, Kampung-kampung Baharu telah dibina oleh pihak penjajah bagi menempatkan orang-orang Cina supaya tidak terancam oleh gangguan pasukan pengganas. Di Kampung-kampung Baru ini, pihak British memang menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah rendah Cina dengan tujuan supaya dapat mengisi waktu bagi anak-anak muda kaum Cina agar mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti politik semasa. Kemudahan pendidikan ini semakin memperkembang sistem persekolahan rendah dan menengah aliran Cina. Sekalipun demikian, usaha menubuhkan sekolah-sekolah berkenaan bergantung kepada masyarakat Cina yang berkenaan, manakala pihak Kerajaan cuma menghapuskan halangan dan kawalan yang sebelum itu dikenakan ke atas sistem pendidikan aliran Cina. Dengan itu, semakin banyaklah sekolah Cina terbentuk yang merupakan sekolah-sekolah persendirian.

Sementara itu, di Singapura, keempat-empat bahasa utama, iaitu bahasa Cina, Inggeris, Melayu dan Tamil telah diberi pengiktirafan yang sama sebagai

bahasa rasmi. Menurut Lim Tay Boon (1964: 45), penerimaan terhadap kesemua bahasa rasmi itu digambarkan melalui bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Apabila Malaya mendapat kemerdekaan, Singapura telah diasingkan.

Dalam tahun 1957, kebanyakan sekolah persendirian yang serupa itu telah bertukar menjadi sekolah bantuan kerajaan dan diletakkan di bawah penguasaan Kementerian Pendidikan.

Dalam tahun 1959, satu Persidangan telah diadakan bagi membincangkan 'Pendidikan Kebangsaan Cina di Persekutuan Tanah Melayu' yang dihadiri oleh wakil-wakil dari Dong Zong, Jiao Zong, Malayan Chinese Association (MCA) dan beberapa buah persatuan Cina serta wakil-wakil dari sekolah-sekolah Cina. Menurut Dong Zong (1985: 2), persidangan tersebut telah membuat rumusan-rumusan berikut:

1. *All vernacular education should use the mother tongue as the main medium of instruction.*
2. *All vernacular education systems must be equal.*
3. *The Government should set up a Chinese education consultative committee, made up of representatives from Chinese educational bodies to help solve the problems of Chinese education.*
4. *The government should increase the subsidy to Chinese secondary schools by 100 percent immediately.*

Menurut *Report of the Education Review Committee* (1960: 12-13), dalam tahun 1960, Laporan Rahman Talib mengemukakan perakuan-perakuan, antara lain, seperti yang berikut:

1. *Fully-assisted Malay medium primary schools should be known as 'national' schools and other fully-assisted primary schools should be known as 'National-Type' schools* (perenggan 135, hal. 26).
2. *Partial government aid to secondary schools should cease as from 1 January 1962 and only full assistance should be given to those schools which have converted to National-Type secondary schools. Those which refuse to do so shall be left outside the national education system and become 'Independent' schools* (perenggan 164, hal. 29).
3. *Independent Chinese secondary schools shall be permitted to exist so long as they observe the statutory requirements relating to :*
 - i) *Board of governors constituted under approved instruments of the Government.*
 - ii) *Registration requirement of the Education Ordinance, 1957.*
 - iii) *Observance of common syllabus, time tables, course of studies laid down by the Ministry.*
 - iv) *The Education (School Discipline) Regulation, 1956.*
 - v) *Statutory health requirements. Any failure to comply with these requirements may render the cancellation of the registration of such schools by the Registrar-General of Schools* (perenggan 164, hal. 29)
4. *There is no obligation for independent secondary schools to prepare their pupils for public examinations but any pupil in these schools may voluntarily sit for these examinations* (perenggan 186, hal. 32)

Peperiksaan bagi sekolah-sekolah menengah ditetapkan supaya dijalankan hanya dalam bahasa-bahasa rasmi, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Dengan yang demikian, peperiksaan di sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang diadakan dalam bahasa Cina telah diberhentikan.

Perkara ini telah menimbulkan kegelisahan dan bantahan daripada orang-orang Cina. Mereka mendakwa bahawa soal peperiksaan di sekolah-sekolah tidak pernah menetapkan supaya dijalankan dalam bahasa tertentu. Laporan Rahman Talib, 1960 sebaliknya telah menetapkan supaya peperiksaan dijalankan dalam dua bahasa sahaja, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris.

Ahli-ahli Parlimen telah membahaskan Laporan Rahman Talib, 1960 dengan panjang lebar. Akhirnya satu akta yang digelar Akta Pelajaran 1961 telah diluluskan. Akta tersebut turut memasukkan cadangan-cadangan dalam Laporan Rahman Talib, 1960 dan matlamatnya adalah:

“For the sake of national unity ... to eliminate communal secondary schools from the national system of assisted schools and to ensure that pupils of all races shall attend both national and national-type secondary schools”.

(*Report of the Education Review Committee, 1960: 1*)

Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian yang memutuskan untuk menerima bantuan kerajaan telah dijadikan sekolah ‘Jenis Kebangsaan’ dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran kecuali bahasa Cina. Pengajaran dalam bahasa Cina turut dikurangkan.

Lanjutan kepada Akta Pelajaran 1961, mulai 1 Januari 1962, Kerajaan menghentikan bantuan terhad kepada sekolah-sekolah persendirian. Sebaliknya, bantuan penuh pula diberikan kepada sekolah-sekolah yang bertukar menjadi sekolah ‘Jenis Kebangsaan’. Menurut Kua Kia Soong

(1990: 20), pada waktu itu terdapat sebanyak 41 buah sekolah menengah Cina di Malaya dan lebih separuh daripadanya telah berubah menjadi sekolah ‘Jenis Kebangsaan’. Walau bagaimanapun, sebanyak 14 buah sekolah menengah Cina tetap kekal menjadi sekolah persendirian.

Apabila Malaysia ditubuhkan dalam tahun 1963, jumlah sekolah-sekolah menengah Cina persendirian telah meningkat apabila bilangan sekolah-sekolah tersebut yang terdapat di Sarawak dan Sabah turut diambil kira. Setakat tahun 1990, terdapat sebanyak 60 buah sekolah menengah Cina persendirian. Senarai sekolah-sekolah tersebut ditunjukkan dalam Lampiran IV.

Berikut ini diturunkan Jadual 3.2 yang menunjukkan jumlah murid-murid yang belajar di 60 buah sekolah menengah Cina persendirian menurut taburan negeri-negeri pada tahun 1983 dan 1990.

Jadual 3.2: Jumlah Pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian, 1983 dan 1990

Negeri	Jumlah Sekolah	Jumlah Murid	
		1983	1990
Johor	8	12,269	14,429
Negeri Sembilan	2	2,531	3,229
Melaka	1	1,353	1,897
Selangor	4	2,651	3,563
Wilayah Persekutuan	4	6,230	7,813
Perak	9	5,727	7,286
Kedah	3	650	1,458
Pulau Pinang	5	4,534	3,490
Sabah	9	4,890	5,574
Sarawak	14	3,821	5,597
Kelantan	1	-	354
Jumlah	60	44,656	54,690

(Sumber: “Dong Jiao Zong. National Survey. Independent Chinese Secondary Schools, 1983/90 Independent Schools’ Statistics”, dipetik daripada Kua Kia Soong, *A Protean Saga: The Chinese Schools of Malaysia*, 1985, hal. 193)

Di sekolah-sekolah menengah Cina persendirian ini, mata pelajaran yang diajarkan adalah menurut kurikulum di sekolah-sekolah jenis kebangsaan tetapi disampaikan dengan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantarinya. Di samping itu, bahasa kebangsaan negara, iaitu bahasa Melayu, dan juga bahasa Inggeris menjadi bahasa wajib dipelajari di sekolah-sekolah tersebut. Sebagai tambahan, murid-murid turut diajarkan mata pelajaran berbentuk perniagaan dan perdagangan yang diserapkan ke dalam kurikulum di peringkat tinggi. Murid-murid ini diberikan persediaan untuk menduduki peperiksaan '*The Unified Examination Certificate of the United Chinese School Committee's Association of Malaysia*'. Walau bagaimanapun, sijil peperiksaan itu, malahan sijil berhenti sekolah juga tidak diiktiraf oleh kerajaan.

Bagi tujuan melanjutkan pelajaran, murid-murid dari sekolah menengah Cina persendirian memasuki pusat-pusat pengajian tinggi di Taiwan atau Universiti Nanyang di Singapura (sehingga tahun 1980). Sebagaimana sijil peperiksaan dan sijil berhenti sekolah, ijazah yang diperoleh di Tawan dan Singapura ini turut tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

3.5 Dasar Pendidikan Sekolah Menengah Cina Persendirian

Akta Pelajaran 1961 menyaksikan pembentukan dua jenis sekolah Cina. Bentuk yang pertama ialah sekolah-sekolah yang menerima bantuan penuh daripada kerajaan, manakala bentuk yang satu lagi ialah sekolah-sekolah persendirian yang dibayai sendiri oleh kaum Cina. Kaum Cina berpendapat

bahawa pendidikan Cina perlu diteruskan dengan hasrat untuk mengekalkan pendidikan ibunda hanyalah melalui persekolahan persendirian. Peranan sekolah-sekolah persendirian adalah seperti yang berikut:

- i) Sekolah Menengah Cina Persendirian berperanan untuk menyempurnakan pendidikan asas, iaitu enam tahun sekolah rendah dan enam tahun sekolah menengah, berdasarkan pendidikan ibunda.
- ii) Sekolah Menengah Cina Persendirian merupakan satu-satunya jambatan yang menyambungkan sekolah rendah Cina dengan maktab dan universiti.
- iii) Sekolah Menengah Cina Persendirian dapat mengembangkan kebudayaan Cina yang begitu kaya dan mantap.
- iv) Sekolah Menengah Cina Persendirian memainkan peranan penting dalam membentuk kebudayaan Malaysia kerana institusi inilah yang melahirkan pelajar yang berpendidikan tribahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina, di samping meresapkan intipati pelbagai kebudayaan masyarakat Malaysia.

Keempat-empat peranan yang dimainkan oleh Sekolah Menengah Cina Persendirian adalah untuk mencapai matlamat utama berikut:

- i) Di samping mendukung hasrat bagi mencipta suatu kebudayaan masyarakat Malaysia, Sekolah Menengah Cina Persendirian dapat mengekalkan, menyebarluaskan serta memperkaya bahasa dan kebudayaan Cina.
- ii) Seiring dengan usaha mengembangkan pendidikan ibunda, Sekolah Menengah Cina Persendirian turut menggalakkan pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris agar dapat memenuhi keperluan semasa di dalam dan luar negeri.
- iii) Sekolah Menengah Cina Persendirian mahu mengekalkan keunggulan dalam mata pelajaran Matematik dan Sains.
- iv) Sukatan pelajarannya berpadanan dengan kepentingan bersama pelbagai kaum dan mengikuti peredaran zaman.

- v) Sekolah Menengah Cina Persendirian tidak menekankan peri pentingnya peperiksaan kerajaan. Sebaliknya, jika ada pelajar yang berhasrat untuk menyertai peperiksaan berkenaan, pihak sekolah sedia memberi bantuan dengan mengadakan kelas-kelas tambahan.
- vi) Mata pelajaran tambahan dalam bidang teknikal dan yang berorientasikan pekerjaan adalah menurut keperluan sesebuah sekolah. Sekalipun begitu, dasar Sekolah Menengah Cina Persendirian tetap sebagai institusi pendidikan akademik dan bukannya sebagai sekolah teknikal ataupun sekolah pendidikan kerjaya.

Dalam tahun 1973, sekumpulan pencinta pendidikan Cina di negeri Perak telah mengadakan pelbagai aktiviti untuk memajukan sekolah-sekolah Cina. Aktiviti-aktiviti berkenaan mendapat sokongan yang padu daripada Persatuan Sekolah-sekolah Cina (Dong Zong), Jiao Zong, Persatuan Murid-murid Tua Cina dan komuniti Cina. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mereka merupakan penyelamat bagi Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian.

Pada akhir tahun tersebut, satu Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian telah ditubuhkan untuk menjamin sekolah-sekolah menengah kaum Cina terus wujud. Jawatankuasa ini telah mengemukakan syor-syor yang merangkumi aspek-aspek penting berikut:

- i. Dasar Pengurusan Sekolah
- ii. Kurikulum Piawai
- iii. Peperiksaan Piawai
- iv. Urusan Kewangan

- v. Sumber Pelajar
- vi. Prospek Pelajar-pelajar lepasan Sekolah Menengah Cina

3.5.1 Organisasi dan Pengurusan Sekolah Menengah Cina Persendirian

Organisasi serta pengurusan sekolah-sekolah Cina diletakkan di bawah Lembaga Pengelola masing-masing. Lembaga atau jawatankuasa ini, terdiri daripada wakil murid-murid tua, ibu bapa dan wakil pertubuhan luar. Tanggungjawab utama mereka adalah untuk memajukan penggunaan bahasa Cina dalam pendidikan demi melahirkan golongan cerdik pandai yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Sebagai tambahan kepada tanggungjawab utama itu, jawatankuasa sekolah turut diberikan tanggungjawab untuk membantu menentukan arah perkembangan Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian, penyelidikan, pembangunan fizikal, dan juga pelantikan guru. Disebabkan tugas dan tanggungjawab jawatankuasa pengelola semakin luas, beberapa jawatankuasa kecil telah ditubuhkan, seperti Jawatankuasa Kecil Pembangunan, Jawatankuasa Kecil Biasiswa dan lain-lain sepertinya. Jawatankuasa-jawatankuasa kecil seperti itu berperanan sebagai pelengkap kepada pengurusan sekolah, dan bertujuan untuk mencapai matlamat menjadikan sekolah-sekolah itu maju serta berwibawa.

Sekolah-sekolah Cina Persendirian tidak menerima bantuan kewangan kerajaan, dan dengan itu bergantung sepenuhnya kepada bayaran yuran

pelajaran serta sumbangan derma daripada orang ramai. Disebabkan kutipan yuran tidak memadai untuk membiayai kos pengelolaan sekolah, pada setiap tahun Lembaga Pengelola, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah berkenaan didorong untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk mengumpulkan wang.

3.5.2 Kurikulum dan Peperiksaan Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian

Pada tahun 1976, Jawatankuasa Kebangsaan Dong Jiao Zong telah menubuhkan Jawatankuasa Kurikulum Bersekutu. Jawatankuasa ini telah dipertanggungjawabkan untuk merangka satu kurikulum bersepadu serta mengesyorkan buku-buku teks yang seragam. Jawatankuasa ini terdiri daripada Setiausaha Eksekutif Dong Zong, Pengetua-pengetua Sekolah, Guru-guru serta pakar-pakar dalam bidang kurikulum. Atas usaha jawatankuasa tersebut selama beberapa tahun, buku-buku teks yang seragam bagi semua mata pelajaran telah dapat dikeluarkan untuk kegunaan semua Sekolah Menengah Cina Persendirian.

Kurikulum Bersepadu Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian menekankan keperluan negara semasa, selaras dengan pelbagai budaya masyarakat majmuk Malaysia. Di samping mempertingkatkan penggunaan bahasa Cina yang menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah berkenaan, mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris turut juga digalakkan. Kedua-dua bahasa tersebut merupakan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah tersebut.

Mata-mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat menengah rendah di Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian adalah seperti yang berikut:

- i. Bahasa Cina
- ii. Bahasa Melayu
- iii. Bahasa Inggeris
- iv. Matematik
- v. Biologi
- vi. Kimia
- vii. Fizik
- viii. Sejarah
- ix. Geografi
- x. Pendidikan Seni
- xi. Pendidikan Jasmani
- xii. Muzik

Kesemua mata pelajaran ini diajarkan dalam bahasa Cina, kecuali mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Mata-mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat menengah rendah di Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian pula adalah seperti yang berikut:

- i. Bahasa Cina
- ii. Bahasa Melayu
- iii. Bahasa Inggeris
- iv. Matematik
- v. Biologi

- vi. Kimia
- vii. Fizik
- viii. Sejarah
- ix. Geografi
- x. Pendidikan Seni
- xi. Pendidikan Jasmani
- xii. Muzik

Bagi peringkat menengah atas pula, mata-mata pelajaran daripada tiga jurusan ditawarkan. Ketiga-tiga jurusan berkenaan ialah Jurusan Sains, Jurusan Sastera dan Jurusan Perdagangan. Di berapa buah sekolah tertentu, turut menyediakan Jurusan Teknikal yang merangkumi bidang elektronik, elektrik, pertukangan kayu dan pemberian kenderaan bermotor.

Pemilihan jurusan bergantung kepada kecenderungan dan minat serta kebolehan pelajar-pelajar mengikutinya.

Mata-mata pelajaran dalam tiga jurusan (Sains, Sastera dan Perdagangan) adalah seperti yang berikut:

- i. Bahasa Cina
- ii. Bahasa Melayu
- iii. Bahasa Inggeris
- iv. Asas Matematik
- v. Pendidikan Jasmani
- vi. Matematik Tambahan

- vii. Biologi
- viii. Kimia
- ix. Fizik
- x. Sejarah
- xi. Geografi
- xii. Perdagangan
- xiii. Simpan Kira-kira
- xiv. Perakaunan
- xv. Menaip
- xvi. Bahasa Inggeris Perdagangan
- xvii. Matematik Perdagangan

Pada masa ini, pelajar-pelajar di peringkat menengah atas di Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian bebas menggunakan buku teks mengikut keperluan masing-masing. Bagi sekolah-sekolah yang menyediakan pelajarnya mengambil peperiksaan luar negeri, buku-buku teks dalam bahasa Inggeris digunakan supaya memudahkan mereka mengikuti kurikulum luar negeri, manakala sekolah-sekolah yang menyediakan pelajarnya menduduki peperiksaan dalam negeri, buku teks dalam bahasa Malaysia digunakan. Namun begitu, pengajaran dan keterangan tetap dalam bahasa Cina.

Ada juga pelajar-pelajar yang berhasrat untuk menduduki kedua-dua jenis peperiksaan, iaitu Peperiksaan Seragam Sekolah Menengah Cina Persendirian dan juga Peperiksaan Kerajaan. Namun begitu, pihak sekolah tidak pula memberikan kemudahan khas demi menyediakan pelajar-pelajar

berkenaan menduduki Peperiksaan Kerajaan tetapi biasanya pihak sekolah mengaturkan kelas-kelas bimbingan yang dilangsungkan di luar jadual waktu. Tindakan sedemikian dapat memenuhi permintaan ibu bapa pelajar-pelajar dan dapat pula melengkapkan lagi pelajar-pelajar itu menghadapi peperiksaan.

3.5.3 Sumber Tenaga Pengajar Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian

Skim perkhidmatan guru berbeza dari satu sekolah ke sekolah yang lain. Ada guru yang berkhidmat atas dasar dari setahun ke setahun, dan ada juga guru yang berkhidmat dalam tempoh beberapa tahun. Tidak kurang juga guru yang berkhidmat atas dasar jangka pendek tetapi di akhir perkhidmatan tersebut, perkhidmatan mereka dilanjutkan lagi.

Kebanyakan guru di Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian berkelulusan dari Universiti Nanyang, Singapura dan juga yang berkelulusan universiti-universiti Taiwan. Akhir-akhir ini terdapat juga guru-guru yang berkelulusan universiti-universiti tempatan, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Sebahagian daripada guru-guru ini tidak pernah menjalani latihan perguruan secara formal.

Akhir-akhir ini, Jawatankuasa Pusat Dong Jiao Zong telah menukuhan Jabatan Perguruan. Jabatan ini mengelolakan kursus-kursus pendek dalam bidang perguruan, di samping menghantar bakal-bakal guru ke Taiwan untuk menjalani latihan perguruan. Kursus-kursus pendek yang diadakan adalah

untuk meningkatkan lagi taraf pengurusan di kalangan guru-guru Sekolah Menengah Cina Persendirian.

3.6 Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian di Negeri Selangor

Pendidikan pada peringkat sekolah menengah bagi orang-orang Cina di Selangor pada awal abad kedua puluh berpusat di dua buah tempat, iaitu Kuala Lumpur dan Klang. Kuala Lumpur, kemudiannya, telah dipisahkan daripada Negeri Selangor menjadi Wilayah Persekutuan.

Seawal tahun 1906 lagi, sekolah menengah Cina yang pertama telah didirikan di Kuala Lumpur bergelar Sekolah Tinggi Confucian. Selang dua tahun kemudian, iaitu dalam tahun 1908, murid-murid perempuan Cina diberi peluang melanjutkan pelajaran di peringkat menengah apabila sebuah lagi sekolah didirikan khas untuk mereka bergelar Sekolah Tinggi Kuen Cheng, juga di Kuala Lumpur.

Setelah itu, penduduk kaum Cina di Klang turut mendirikan sebuah sekolah pada tahun 1912, bergelar Sekolah Tinggi Chung Hua, diikuti dengan pembinaan sebuah lagi sekolah di Kuala Lumpur dalam tahun 1914, iaitu Sekolah Tinggi Tsun Jin. Kira-kira sedekad kemudian, iaitu dalam tahun 1923, Klang mendapat sebuah lagi sekolah, bergelar Sekolah Tinggi Pin Hua. Setelah itu, dalam tahun 1939, telah didirikan pula sebuah sekolah lagi bergelar Sekolah Tinggi Chung Hua di Kuala Lumpur.

Sejurus selepas era pendudukan Jepun di Malaya, Klang mendirikan sebuah sekolah lagi dalam tahun 1947, iaitu Sekolah Tinggi Hin Hua. Sebuah lagi sekolah didirikan sejurus sebelum Malaya mencapai kemerdekaan, iaitu dalam tahun 1956; bergelar Sekolah Tinggi Kwang Hua.

Berikut ini diberikan sejarah ringkas sekolah-sekolah yang berkenaan. Maklumat tentang sekolah-sekolah ini diperoleh daripada majalah terbitan sekolah-sekolah berkenaan dari tahun 1990-1998.

i) Sekolah Tinggi Chung Hua

Sekolah ini merupakan sekolah yang tertua di kalangan sekolah-sekolah Cina Persendirian di Klang. Bangunannya yang asal telah dibina dalam tahun 1912, terletak di atas tapak bangunan awam Ming Nam (bekas Persatuan Hokkien) di Jalan Tengku Kelana. Dalam tahun 1925, dengan wang sumbangan daripada para dermawan, pihak pengurusan sekolah ini telah dapat membeli sebidang tanah seluas empat ekar. Sebuah blok bangunan (rumah atap) telah didirikan di atas tapak yang baharu mengandungi 5 buah bilik darjah.

Pada tahun 1936, bangunan sekolah yang berkenaan telah ranap dimusnahkan oleh ribut. Pada tahun 1937, sebuah bangunan baharu pula telah didirikan bagi menggantikan sekolah yang runtuh itu.

Pada tahun 1939, sekolah ini telah memulakan pendidikan di peringkat menengah rendah. Berikutan itu, nama sekolah pun turut diubah kepada Sekolah Tinggi Chung Hua. Apabila pihak Jepun menduduki Malaya dalam tahun 1941, sekolah ini telah ditutup dan hanya dibuka semula apabila Malaya kembali ke tangan penjajah Inggeris.

Dalam tahun 1963, dengan pelaksanaan Akta Pendidikan, sekolah ini telah disusun semula dan akhirnya berubah menjadi Sekolah Jenis Kebangsaan. Sebahagian daripada sekolah ini kemudiannya kembali kepada bentuk asalnya sebagai Sekolah Tinggi Persendirian. Dari masa ke masa, jumlah pelajar yang belajar di sekolah ini merosot hingga akhirnya pada tahun 1973, cuma terdapat dua orang pelajar sahaja (seorang lelaki dan seorang perempuan). Akibatnya, dalam tahun 1973, pihak Jabatan Pendidikan mengarahkan sekolah berkenaan supaya ditutup dan pada masa yang sama permit sekolah juga telah ditarik balik.

Beberapa orang penggiat masyarakat kaum Cina termasuk Lim Geok Chan telah melancarkan kempen untuk membuka kembali sekolah ini dan usaha mereka tercapai dalam tahun 1974 dengan memperoleh jumlah murid seramai 84 orang dan jumlah tersebut terus meningkat tahun demi tahun.

ii) Sekolah Tinggi Pin Hua

Pada tahun 1923, masyarakat Cina di bandar Klang telah memulakan sebuah pusat pendidikan yang diadakan pada sebelah petang. Pendidikan ini dijalankan di sebelah sebuah kuil Buddha di Kampung Atap, Klang Selatan. Hampir 100 orang murid yang belajar di pusat pendidikan ini.

Selepas 3 tahun, iaitu pada tahun 1926, pusat pendidikan yang berkenaan telah dipindahkan ke sebuah rumah kedai di Klang Utara. Pusat pendidikan ini ditukar nama kepada 'Overseas-Chinese School'.

Menjelang tahun 1929, sekolah ini telah dipindahkan lagi ke sebuah rumah kedai di Jalan Tengah. Dalam tahun 1937, jumlah murid telah meningkat kepada 800 orang manakala guru yang mengajar berjumlah 18 orang. Pertambahan pesat jumlah murid, menyebabkan Lembaga Pengarahnya yang dipengerusikan oleh Goh Hock Huat telah membentuk sebuah jawatankuasa pembangunan bagi membina sebuah bangunan sekolah yang tetap. Kebenaran telah diperoleh daripada pihak Kerajaan untuk membina bangunan sekolah di Jalan Goh Hock Huat. Pada tahun 1940, jumlah muridnya turut bertambah kepada 1,200 orang.

Semasa pendudukan Jepun, aktiviti persekolahan ini telah digantung. Sekolah ini telah dimulakan kembali pada 8 Mac, 1946 dengan jumlah murid seramai 1,400 orang dan meningkat menjadi 1,800 orang pada tahun 1947.

Pada tahun 1962, Lembaga Pengarah sekolah ini memutuskan untuk mengekalkan taraf kebebasannya sebagai sekolah persendirian. Sekolah ini kemudiannya dinamakan sebagai Sekolah Tinggi Pin Hua.

iii. Sekolah Tinggi Hin Hua

Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1947, dan telah mengalami permulaan yang sukar disebabkan terpaksa berdepan dengan masalah kewangan, tempat, bangunan dan sebagainya. Namun begitu, tiga pihak, iaitu ibu bapa, guru dan pelajar, begitu gigih menyumbangkan tenaga, masa dan wang untuk merealisasikan penubuhannya.

Pada tahun 1950 ketiga-tiga pihak tersebut telah berjaya membeli sebidang tanah untuk membina sebuah bangunan sekolah. Pada mulanya sekolah ini bergerak sebagai satu entiti yang menampung murid-murid Sekolah Rendah Hin Hua dan juga Sekolah Tinggi Hin Hua. Namun begitu, sekolah rendah dan sekolah menengah terpaksa dipisahkan menurut peraturan

baharu daripada pihak Kerajaan. Kedua-dua telah dipisahkan dari segi pentadbiran tetapi secara fizikalnya masih ditempatkan di premis yang sama.

Pada tahun 1974, Puan Chang Sa Yeok telah dilantik menjadi pengetua yang baharu. Di bawah seliaannya, usaha baharu untuk membangunkan sekolah ini telah digerakkan. Langkah-langkah yang diambil oleh beliau menyebabkan pertambahan dalam bilangan pelajar. Pertambahan pelajar yang begitu mendadak telah menimbul masalah baharu. Bilik-bilik darjah tidak dapat menampung pertambahan bilangan murid, kekurangan kemudahan-kemudahan lain juga begitu ketara sekali. Bagi mengatasi masalah yang timbul, dalam tahun 1976, pihak sekolah yang berkenaan telah menganjurkan satu pesta ria berjaya memungut derma sebanyak RM120,000.

Setakat tahun 1979, bilangan murid meningkat kepada 854 orang. Pada tahun yang sama, satu jamuan raksasa telah diadakan bagi mengutip derma. Jumlah kutipan derma pada kali itu mencapai 1,000,000 ringgit, memecahkan segala rekod kutipan derma di seluruh Malaysia yang pernah dicatatkan.

Setakat hari ini, Sekolah Tinggi Hin Hua merupakan salah sebuah sekolah yang terunggul di Lembah Klang. Dari segi pentadbiran dan juga kemudahan, sekolah ini merupakan

antara yang terbaik di Malaysia. Puan Chang Sa Yeok merupakan Pengetua yang amat berjasa dalam membangunkan sekolah ini. Beliau masih menjadi Pengetua Sekolah Menengah Hin Hua sehingga sekarang. Ketokohan beliau sentiasa dijadikan contoh oleh Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Cina Persendirian yang lain.

iv) Sekolah Tinggi Kwang Hua

Dalam tahun 1954, ahli-ahli Lembaga Pengarah Sekolah Chung Hua, Sekolah Pin Hua dan Sekolah Hin Hua serta beberapa orang penduduk tempatan telah bergabung untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi membentuk sebuah sekolah untuk menampung pelajar dari ketiga-tiga buah sekolah berkenaan untuk menyambung pelajaran di peringkat menengah atas. Sekolah yang baru ini telah dinamakan Sekolah Tinggi Kwang Hua (bermaksud Chung Hua, Pin Hua dan Hin Hua yang terhormat). Sekolah ini telah dimulakan pada tahun 1956 di premis Sekolah Tinggi Chung Hua.

Sekolah ini telah dialih ke bangunan Persatuan Kwangtung di Jalan Raya Timur yang disewa pada tahun 1958. Seorang bekas profesor Universiti Kebangsaan Cina, Wong Siew Nam telah dilantik menjadi pengetua. Pada masa itu bilangan pelajarnya telah meningkat lebih daripada 300 orang.

Pada tahun 1959, sekolah ini berpindah pula ke Taman Eng Ann.

Dalam tahun 1962, sekolah ini telah membuat keputusan untuk menerima sistem pendidikan baharu, dan telah diubah menjadi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Namun begitu sebahagian daripadanya masih kekal sebagai Sekolah Tinggi Cina Persendirian. Kedua-dua entiti berkenaan masih berkongsi premis yang sama sehingga tahun 1967.

Perkembangan keempat-empat buah sekolah yang disebutkan tadi dapat dilihat dari aspek bilangan pelajar yang menuntut di sekolah-sekolah berkenaan. Berikut ini diturunkan Jadual 3.3 yang mengandungi perangkaan jumlah murid yang belajar dari tahun 1976 sehingga tahun 1999:

Jadual 3.3: Bilangan Murid di Empat Buah Sekolah Menengah Cina Persendirian di Klang

Tahun	Chung Hua	Pin Hua	Hin Hua	Kwng Hua
1976	63	791	593	166
1977	100	753	587	215
1978	192	784	642	149
1979	330	773	855	142
1980	492	1,016	951	101
1981	535	992	993	104
1982	490	936	1,051	120
1983	492	914	1,118	108
1984	507	791	1,254	102
1985	562	710	1,335	99
1986	671	696	1,469	159
1987	647	746	1,473	208
1988	689	686	1,546	238
1989	837	671	1,633	308
1990	917	575	1,719	387

1991	985	711	1,790	411
1992	1,137	859	1,811	500
1993	1,186	996	1,838	399
1994	933	1,017	1,835	400
1995	1,191	1,061	1,850	377
1996	933	983	1,831	415
1997	811	1,020	1,842	338
1998	760	1,004	1,842	338
1999	758	925	1,981	328

(Sumber: Dong Zong, Kajang)